

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ

إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Yang Mulia,

Awang Lim Hock Guan, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat;

Yang Mulia,

Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri;

Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, Anggota Bomba dan Penyelamat dan Para Jemputan serta hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua, kita dapat sama-sama hadir pada petang ini di "Upacara Perbarisan Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat Yang Ke 62 Tahun". Dalam kesempatan ini, saya sukacita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat dan semua warga

Jabatan Bomba dan Penyelamat sempena sambutan ulang tahun penubuhannya yang ke 62 tahun.

2. Sejak penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat, kita sama-sama telah dapat menyaksikan akan beberapa perkembangan, pembaharuan dan pencapaian yang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat terutama dalam bidang tugas dan tanggungjawab bagi memelihara keselamatan dan kesejahteraan awam malahan perkembangan dari segi latihan dan kemahiran, profesionalisma dan kesejahteraan kepada anggota Bomba. Dengan adanya perkembangan dan pembaharuan ini, Jabatan ini telah dapat memberikan khidmat kepada negara dan orang ramai bagi memastikan keselamatan awam terjamin seperti dalam memadam kebakaran, menyelamatkan nyawa dan harta benda dengan lebih efisien dan bermutu.
3. Alhamdulillah, sejak program-program kesedaran dan kesiapsiagaan orang ramai berhubung keselamatan kebakaran dijalankan secara proaktifnya oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat, ianya telah menampakkan hasil yang terbukti dari penglibatan orang awam dalam memadam kebakaran api kecil sebelum ketibaan anggota bomba di tempat kebakaran. Tindakan awal ini secara tidak langsung, boleh menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kadar kerugian harta benda di tahap yang minima. Sehubungan ini, pada tahun 2021 Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menyampaikan penghargaan kepada seramai 48 orang awam yang menerima sijil Masyarakat

Berjasa iaitu sebagai "*First Responder*". Sementara pada tahun ini, sehingga bulan Mac 2022, seramai 17 orang awam telah menerima sijil sebagai Masyarakat Berjasa.

4. Di samping itu juga, keberkesanan program-program ini juga dapat diukur dengan:
 - i. **Penurunan keseluruhan panggilan kecemasan** sebanyak 12.4% iaitu 838 panggilan, penurunan 5921 panggilan pada tahun 2021 berbanding 6759 panggilan pada tahun 2020.
 - ii. Pada tahun 2021, **panggilan kebakaran struktur juga mengalami penurunan** sebanyak 12.4 peratus, dan kerugian harta benda juga terdapat penurunan sebanyak 41.8 peratus berbanding tahun 2020 serta tiada sebarang kes kematian direkodkan.
 - iii. Pada tahun 2021, direkodkan **penurunan sebanyak 14.7 peratus panggilan kebakaran rumah dan bangunan** dibanding dengan tahun sebelumnya.
5. Kita juga merasa bersyukur mengetahui akan sambutan orang ramai sepanjang tahun lepas dalam menyertai program kesedaran dan keselamatan awam yang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Pejelamut walaupun negara dilanda gelombang kedua dan ketiga COVID-19. Di sepanjang tahun 2021 sahaja, seramai 14,610 orang peserta daripada agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta telahpun menyertai pelbagai program kesedaran awam antaranya seperti taklimat-taklimat, *Lifesaver 995*, *Fire Marshal* dan *Fire Drill*. Manakala

seramai 1,480 orang *Fire Marshal* telah dilantik yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta.

6. Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru orang ramai terutama agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat di mukim-mukim dan kampung-kampung untuk lebih proaktif di dalam menyertai program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi sama-sama memikul tanggungjawab secara pendekatan “Whole of Nation” di dalam usaha kerajaan memberi kesedaran tentang keselamatan kebakaran, keperihatinan di dalam menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kadar kerugian harta benda semasa kebakaran secara minima.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

7. Dalam memastikan pematuhan Perintah Keselamatan Kebakaran 2016 (*Fire Safety Orders 2016*), Jabatan Bomba dan Penyelamat telahpun menjalankan pemeriksaan bangunan-bangunan kerajaan dan premis-premis swasta. Pada tahun 2021, terdapat peningkatan pemberian sijil Perakuan Bomba (*Fire Certificate*) diberikan kepada bangunan-bangunan kerajaan iaitu sebanyak 47 peratus berbanding tahun 2020, dan hanya 17 peratus yang mendapat sijil perakuan Bomba. Manakala yang gagal mematuhi piawaian Perintah Keselamatan Kebakaran 2016 adalah sebanyak 53 peratus.

8. Pada masa yang sama, premis-premis swasta yang telah lulus pemeriksaan dan diberikan sijil sebanyak 89 peratus pada tahun 2021 berbanding dengan tahun 2020 iaitu 79 peratus manakala sebanyak 11 peratus yang gagal. Pihak Bomba tidak akan mengeluarkan sijil perakuan Bomba (*Fire Certificate*) sekiranya didapati mana-mana bangunan yang gagal mematuhi piawaian Perintah Keselamatan Kebakaran 2016.
9. Sehubungan dengan ini, saya juga turut menyarankan supaya pemilik dan penghuni bangunan bagi sama-sama bertanggungjawab bagi memastikan bangunan-bangunan dalam keadaan baik, selamat digunakan, dan dilengkapi dengan alat-alat keselamatan kebakaran seperti alat-alat pemadam api, sistem penggera keselamatan kebakaran dan sebagainya sesuai dengan piawaian Perintah Keselamatan Kebakaran 2016.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

10. Pencapaian Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam '*Response Time*' bagi menangani insiden kebakaran struktur juga telah melebihi had yang ditetapkan (*threshold*) dengan merekodkan 83.1 peratus, melebihi jangkaan sasaran iaitu 80 peratus.
11. Selain dari itu, kejayaan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam menangani kebakaran hutan, rumput, dan tanah gambut yang berskala besar dapat dibuat dalam waktu yang singkat, berbanding

sebelum ini operasi tersebut telah mengambil masa yang lebih lama untuk ditangani. Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa bekerjasama dengan *stakeholder-stakeholder* dan orang awam dengan membuat rondaan berterusan bagi memantau kebakaran hutan, rumput dan sebagainya. Dengan adanya sinergi ini, panggilan bagi menangani kebakaran hutan berjaya diturunkan secara berterusan sebanyak 42.2 peratus pada tahun ini berbanding 53 peratus pada tahun sebelumnya.

12. Bagi memantapkan keupayaan dalam bidang operasi dan menyelamatkan, perancangan di dalam memperbaiki dari segi logistik, kemahiran dan penggunaan teknologi juga sedang giat diusahakan bagi memastikan keupayaan dan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa dipertingkatkan dari masa kemasa.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

13. Mengambil kira suasana persekitaran yang sentiasa berubah selaras dengan kehendak dan keperluan semasa khususnya ke arah dasar perbelanjaan Kerajaan iaitu menerusi *Fiscal Consolidation*, saya difahamkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat secara berterusan meningkatkan usaha-usaha dalam menjimatkan perbelanjaan dan juga urus tadbir jabatan dalam perbelanjaan utiliti. Alhamdulillah pada tahun 2021, terdapat penjimatan utiliti yang berterusan iaitu sebanyak 15.9 peratus penjimatan.

14. Saya juga menghargai akan usaha berterusan Jabatan Bomba dan Penyelamat ke arah meningkatkan kemahiran anggota-anggota Bomba dalam:-
- i. Mengikuti kursus-kursus dalam bidang teknikal yang seterusnya akan membantu jabatan berkenaan mengendalikan kerja-kerja secara sendiri seperti membaikpulih bangunan (*painting*), penyelenggaraan peralatan elektrik dan penyelenggaraan paip (*Plumbing*).
 - ii. Mengikuti kursus IT yang relevan secara *in-house training* dan telah difahamkan melatih seramai 233 orang anggota Jabatan berkenaan.
15. Bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan anggota terjamin sesuai dengan tugas dan tanggungjawab yang mencabar dan berisiko tinggi, Insuran Keluarga Berkelompok yang komprehensif telah pun diberikan kepada seluruh keanggotaan Jabatan Bomba dan Penyelamat bermula pada Mac 2022.
16. Dari itu, sekali lagi, sukacita saya mengucapkan tahniah kepada seluruh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat di atas pencapaian-pencapaian yang membanggakan dalam usaha sama-sama memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Penurunan statistik panggilan bagi tahun 2021, pencapaian KPI bagi *Respond Time*, penjimatan dan pelaksanaan *Fiscal Consolidation* secara berterusan merupakan pencapaian dan kejayaan serta bukti bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa proaktif dan memainkan peranannya secara efisien, dalam membuat perancangan yang terperinci termasuk mengadakan latihan.

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh bersikap *complacent* dan mudah berpuas hati dengan apa yang telah dicapai atau dilaksanakan. Jabatan ini perlu terus meningkatkan lagi usaha agar pencapaian ini akan sentiasa konsisten dan semakin berkembang maju.

Hadirin dan Hadirat,

17. Syabas dan Tahniah juga diucapkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat meskipun keanggotaannya turut terkesan daripada wabak COVID-19, tetapi tidak sedikit pun tidak menghalang Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk memainkan peranan bagi sama-sama membantu hal berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini khususnya:
 - i. memberi bantuan tenaga sebanyak 52 permohonan seperti kempen kebersihan tempat,
 - ii. menyediakan khidmat RIPASH- *Transportation*
 - iii. pemeriksaan bangunan/tempat bagi pegasingan diri,
 - iv. Ops Teranah (membuka dan memasang Gelang pesakit COVID-19) *Wristband Removal Team, Home Visit Team & National Coordination Centre of Covid-19 (N3C19)*,
 - v. penggunaan *Grandstand* dan Dewan Serbaguna jabatan bagi tujuan *decontamination*.
18. Sehubungan ini, saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat di atas sumbangan yang diberikan. Adalah diharapkan agar Jabatan

Bomba dan Penyelamat akan selalu meningkatkan kesiapsiagaan, mengadakan latihan yang berterusan dan mengamalkan kerja berpasukan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan.

19. Pemangku Pengarah, Pegawai-Pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua sempena ulang tahun yang ke 62. Kita sama-sama berdoa agar seluruh warga bomba dapat berkhidmat dengan selamat serta mendapat perlindungan Allah Subhanahu WaTa'ala daripada sebarang malapetaka dan bencana serta akan terus maju jaya dan dapat meningkatkan keupayaan dalam segenap bidang demi sama-sama memelihara keselamatan dan kesejahteraan awam di Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.